




Makkah al-Mukarramah dipilih oleh Allah ﷻ menjadi tempat tumpuan hamba-hambaNya yang beriman dan dikurniakan kelebihan serta keistimewaan yang banyak kepadanya. Di bawah ini dinyatakan beberapa hadis mengenai kelebihan Makkah:

Makkah adalah Tanah Haram

Rasulullah ﷺ telah bersabda pada hari pembukaan kota Makkah: ((Sesungguhnya negeri Makkah ini telah dijadikan oleh Allah sebagai Tanah Haram pada hari Dia menciptakan langit dan bumi. Makkah adalah Tanah Haram dengan pengharaman daripada Allah sehingga ke hari kiamat. Tidak dibenarkan berperang di dalam Makkah kepada sesiapa pun sebelumku, dan tidak dibenarkan kepadaku kecuali beberapa masa sahaja (pada hari pembukaan kota Makkah tahun ke 8 H). Makkah adalah Tanah Haram dengan pengharaman daripada Allah sehingga hari kiamat. Tidak boleh memotong pohon, tidak boleh menangkap binatang pemburuan (yang hidup bebas), tidak boleh mengambil barang yang terdair kecuali mereka yang mahu mengumunkannya kepada orang ramai dan tidak boleh mengerat rumput di Makkah)). Lalu berkata al-'Abbas (bapa saudara Rasulullah ﷺ): Kecuali *Izkhir* (sejenis tumbuhan yang harum baunya) ya Rasulullah, ia dibuat bahan bakar kepada tukang besi dan dibuat atap rumah. Rasulullah ﷺ menjawab: ((Kecuali *Izkhir*)).

Nabi Ibrahim mengisytiharkan Tanah Haram Makkah

Rasulullah ﷺ bersabda: ((Sesungguhnya Ibrahim ؑ telah mengharamkan Makkah dan berdoa untuknya dan aku mengharamkan Madinah sepertimana Ibrahim ؑ mengharamkan Makkah dan aku berdoa untuk (keberkatan) cupak dan gantanganya sepertimana Ibrahim ؑ berdoa untuk Makkah)).

Makkah adalah sebaik-baik negeri dan tempat yang paling disayangi oleh Allah ﷻ dan RasulNya ﷺ.

Abdullah ibn 'Addiy ibn Hamra' az-Zuhriy berkata: Aku melihat Rasulullah ﷺ berdiri di *Hazwarah* dan bersabda: ((Demi Allah! Sesungguhnya Makkah adalah sebaik-baik bumi Allah dan bumi yang sangat disayangi oleh Allah ﷻ, kalaulah aku tidak dihalau keluar daripadamu nescaya aku tidak akan keluar)).

Makkah tidak dimasuki Dajjal

Rasulullah ﷺ bersabda: ((Semua negeri akan dimasuki oleh Dajjal kecuali Makkah dan Madinah, semua jalan masuk dikawal oleh para malaikat yang berbaris-baris, kemudian Madinah akan bergoncang sebanyak tiga kali dan Allah ﷻ

akan mengeluarkan orang kafir dan munafiq daripadanya)).

Ancaman daripada melakukan *ilhad* (kejahatan) di Tanah Haram

Rasulullah ﷺ berkata: ((Tiga golongan manusia yang paling dibenci oleh Allah: 1- Orang yang melakukan *ilhad* (kejahatan) di dalam Tanah Haram; 2- Orang yang mahu mengekalkan amalan jahiliyyah di dalam Islam; 3- Orang yang menuntut darah manusia tanpa hak untuk menumpahkannya)).

Kelebihan Tawaf

Ibnu 'Umar ؓ berkata: Aku mendengar Rasulullah ﷺ bersabda: ((Sesiapa yang melakukan tawaf di rumah ini (Ka'bah) tujuh pusingan genap, adalah pahalanya seperti memerdekakan seorang hamba)). Dan aku juga mendengar Rasulullah ﷺ bersabda: ((Tidak meletakkan kaki (orang yang tawaf) dan tidak pula mengangkat yang lainnya kecuali Allah ﷻ menghapuskan kesalahannya serta menulis baginya satu kebajikan)).

Rahmat kepada orang tawaf, solat dan memandang Ka'bah

Rasulullah ﷺ bersabda: ((Bahawasanya Allah menurunkan 120 rahmat setiap hari, diturunkan kepada Ka'bah 60 rahmat untuk orang tawaf, 40 untuk orang solat dan 20 untuk orang yang memandangnya)).

Kelebihan Solat di Makkah

Rasulullah ﷺ bersabda: ((Solat di masjidku ini (Masjid Nabawi) lebih baik daripada 1000 kali solat di masjid lain kecuali Masjid al-Haram, solat di Masjid al-Haram lebih afdhal 100 kali daripada solat di masjidku ini [iaitu 100 ribu kali di masjid lain])). Disebut di dalam riwayat lain: ((Solat di Bait al-Maqdis pahalanya 500 kali ganda daripada masjid lain)). Sekali bersolat di Masjid al-Haram, Makkah al-Mukarramah pahalanya sama dengan solat di tempat lain (selain Masjid Nabawi dan Bait al-Maqdis) iaitu bersamaan 55 tahun, 6 bulan dan 22 hari. Solat sehari semalam (5 waktu) pahalanya sama dengan 277 tahun 9 bulan dan 10 hari.

Banyak lagi hadis-hadis yang menyebut tentang kelebihan Makkah al-Mukarramah, pembaca disarankan agar merujuk kitab 'فضائل مكة الواردة في السنة' dan lain-lainnya. Untuk mengetahui berkenaan hadis-hadis yang disebut di atas dari segi taraf hadis dan sebagainya, sila rujuk kepada kitab asal iaitu 'Makkah al-Mukarramah: Kelebihan dan Sejarah'. Wallahu A'lam.